



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

13 OKTOBER 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU: GAJI MINIMUM

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	13 OKTOBER 2017 (JUMAAT)	BORNEO POST New minimum pay to be announced next year	MPGN

AKHBAR: BORNEO POST

New minimum pay to be announced next year



Riot delivers his speech at the ceremony . — Bernama photo

PUTRAJAYA: A new minimum wage for Peninsular Malaysia, Sabah, Sarawak and Labuan will be announced next year, said Human Resources Minister Datuk Seri Dr Richard Riot Jaem. The move will close the minimum wage gap for the private sector whereby it is RM1,000 in Peninsular Malaysia, and RM920 for Sabah, Sarawak and Labuan, he said.

Riot said the National Wages Consultative Council (MGPN) had started making plans to review the Minimum Wages Order 2016 to allow the government to determine the new minimum wages rate in line with the country's current socio-economic development. "We know that the minimum wages order must be reviewed at least once in two years. The review will look at the ability of the employer to pay the minimum wage which is a responsibility that is very challenging to ensure that the minimum wage policy meets all objectives.

"The setting up of a group of wage and minimum wages reserachers will have a positive effect which will allow the government to provide adequate social protection to workers throughout the country. "The enforcement of the minimum wages is an important aspect which will benefit the employees especially those with low income in the B40 category," he said. Riot was speaking in a press conference held after presenting the appointment letters to 25 members of the National Wages Consultative Council who were appointed for the period Oct 1 to Sept 30, 2020 to ensure the continuity of implementation for the minimum wages policy. He said closing the minimum wages gap between employees in Peninsular Malaysia and in Sabah, Sarawak and Labuan was gradually being realised with the appointment of two members of the MGPN from the Sarawak and Sabah State Secretary's offices.

"The review will take into consideration the cost of living as well as the operations cost which have to be borne by the employer who manages to close the gap in income in Malaysia. "Previously, the minimum salary in Peninsular Malaysia was RM900 while in Sabah, Sarawak and Labuan, it was RM800. In 2016, we closed the gap to RM1,000 (Peninsular) and RM920 (Sabah, Sarawak and Labuan). "One day, the salary in both categories will be on par. This is still being studied by the Minimum Wages Technical Committee and the MGPN before it is tabled to the Cabinet," he said. Riot said as of June, 98 per cent of employers in 142,151 statutory checks being carried out by the Labour Department had complied with the Minimum Wages Order. — Bernama

ISU: KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	13 OKTOBER 2017 (JUMAAT)	MALAYSIA DIGEST Maut Dihempap Jana Kuasa UTUSAN MALAYSIA Pemandu kren maut dihempap set penjana elektrik HARIAN METRO Ajal dihempap generator	JKKP

AKHBAR: MALAYSIA DIGEST

Maut Dihempap Jana Kuasa



Foto: BH

KUALA LUMPUR: Seorang pemandu kren maut dihempap set jana kuasa yang sedang diangkat di tapak projek pembinaan pangsapuri di Taman Desa, dekat sini, petang semalam. Mangsa yang dikenali sebagai Jamil Mahamad, 35, sedang mengangkat set jana kuasa itu menggunakan kren sekitar jam 5 petang. Bagaimanapun, Jamil berhenti seketika apabila hujan lebat dengan membiarkan jana kuasa yang diangkat tergantung.

Dia kemudian turun dan berteduh di tepi kren sementara hujan reda. Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Seputeh, Pegawai Bomba Kanan II Mohd Ramzan Muhammad, bagaimanapun kabel pengikat jana kuasa itu terputus menyebabkan jana kuasa itu jatuh menghempap sebahagian badan mangsa. Katanya, mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah.

Beliau berkata, sebuah jentera bomba dengan tujuh anggota bergegas ke lokasi kejadian seurus menerima panggilan kecemasan pada jam 5.24 petang."Ketika tiba, mangsa berada dalam keadaan tidak sedarkan diri dan dipercayai sudah meninggal dunia."Kita difahamkan, mangsa berseorangan ketika kejadian. Seorang pekerja yang berada di dalam kabin mendakwa mendengar bunyi seperti letupan dan sebaik keluar dia mendapati jana kuasa itu sudah terjatuh," katanya ketika dihubungi BH. Beliau berkata, mangsa berasal dari Kampung Telok Kangar, Baling, Kedah. - *Berita Harian*

AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA

Pemandu kren maut dihempap set penjana elektrik



KUALA LUMPUR - Seorang pemandu kren maut selepas dihempap sebuah set penjana elektrik dalam kejadian di Taman Desa, dekat sini hari ini. Mangsa, Jamil Mahamad, 35, meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah di seluruh badan. Menurut sumber, mangsa sedang dalam proses mengalihkan penjana elektrik tersebut dengan menggunakan kren yang dikendalikannya.

"Akibat hujan lebat, dia turun daripada kren dan membiarkan set penjana elektrik berkenaan dalam keadaan tergantung sebelum berdiri berhampirannya." Malangnya, kabel yang mengangkat peralatan itu tiba-tiba putus dan terus menghempap mangsa," katanya dalam satu kenyataan di sini. Sementara itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur berkata, pihaknya menerima panggilan pada pukul 5.24 petang sebelum menghantar sepasukan tujuh anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Seputeh.

"Mereka tiba di lokasi kejadian kira-kira tujuh minit kemudian dan mendapati mangsa dalam keadaan tidak sedarkan diri sebelum disahkan sudah meninggal dunia." Mayat mangsa diserahkan kepada pihak polis untuk dibawa ke hospital berdekatan untuk dibedah siasat," ujarnya. - **UTUSAN ONLINE**

Ajal dihempap generator



Anggota bomba membantu mengeluarkan mangsa yang tersepit generator. FOTO ihsan bomba

LELAKI berusia 35 tahun maut selepas dihempap generator di tapak pembinaan di Taman Desa, Kuala Lumpur, kira-kira 5 petang hari ini. Penolong Pengarah Operasi Negeri Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur Zamani Ismail berkata, kejadian berlaku ketika mangsa, Jamal Mahammad sedang bekerja di lokasi.

"Kami menerima panggilan kecemasan menyelamatkan mangsa jam 5.24 petang sebelum pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) bergegas ke lokasi." Sebaik tiba kami mendapati mangsa berada berhampiran generator mudah alih berkenaan dan disahkan meninggal dunia, oleh pegawai perubatan" katanya. Difahamkan, generator berkenaan berada di atas jentera sebelum ia dipercayai tumbang dan mengenai mangsa. Zamani berkata, pihak bomba membantu mengeluarkan mangsa yang tersepit di bawah generator berkenaan.

"Hanya sedikit badan mangsa yang tersepit. Mangsa mungkin terpelanting sejurus dihempap." Kes diambil alih oleh pihak polis untuk menjalankan siasatan lanjut, " katanya.

ISU: BLAST AT MRT CONSTRUCTION SITE

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	13 OKTOBER 2017 (JUMAAT)	MALAYSIA DIGEST Blast At MRT Construction Site: Ministry To Probe Into Possible Violation Of SOP	DOSH CIDM KKR

AKHBAR: MALAYSIA DIGEST

Blast At MRT Construction Site: Ministry To Probe Into Possible Violation Of SOP



Pic: Bernama

KUALA LUMPUR: The Works Ministry will investigate whether or not there was a violation of standard operating procedures (SOP) in the recent explosion at the Mass Rapid Transit (MRT) station construction site in Bandar Malaysia. Minister Datuk Seri Fadillah Yusof said the investigation would begin upon green light from the Royal Malaysia Police (PDRM) which were still investigating the case. "We have to wait until the police investigation is concluded before the Construction Industry Development Board (CIDB) and the Department of Occupational Safety and Hazard (DOSH) could enter the site and figure out what happened.

"We have various technologies to scan and detect underground conditions to minimise damage to the cable or pipe below, this is a common SOP for project that involves underground work," he told reporters after attending the Construction Industry Transformation Programme (CITP) committee meeting, here today. A Bangladeshi worker was killed, while two others were injured in the 5pm explosion on Tuesday. PDRM had so far confirmed that the explosion was from an old unexploded bomb from the Second World War era.

Fadillah explained that such an incident was indeed unpredictable as what shown in the existing blueprint of the area might differ from the actual condition underground. "Normally, the developer will acquire the underground blueprint from the local authority before starting construction, but at the construction site, the situation is different." The real condition differs from what was shown in the blueprint. This accident is beyond our control," he said. - *Bernama*

ISU: KEMALANGAN PERGI DAN BALIK KERJA

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	13 OKTOBER 2017 (JUMAAT)	HARIAN METRO 0% nahas pergi balik kerja babit motosikal	PERKESO

AKHBAR : HARIAN METRO

0% nahas pergi balik kerja babit motosikal



DR Aseh (tiga dari kanan) bersama penerima faedah di Wisma PERKESO, semalam.

Kuala Lumpur: Lebih 70 peratus kemalangan dalam perjalanan pergi dan balik kerja yang dilaporkan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membabitkan motosikal.

Pengerusi Lembaga PERKESO Tan Sri Dr Aseh Che Mat berkata, pihaknya mendapati kemalangan dalam perjalanan semakin meningkat dengan ketara dan yang paling banyak membabitkan mereka yang menggunakan motosikal.

Menurutnya, tahun lalu, 31,314 kemalangan dalam perjalanan dilaporkan kepada PERKESO, berbanding 28,579 kes pada 2015.

Beliau berkata selepas menyampaikan sumbangan kepada anak yatim, ibu tunggal dan penerima faedah yang lain sempena Program Tanggungjawab Sosial Korporat Sambutan Deepavali di Wisma PERKESO, semalam.

Hadir sama Ketua Eksekutif PERKESO Datuk Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.